

KUTKM tawar program sarjana

Archival News | Berita Harian | 14/10/2006 | Author: Amir Mamat

SEBAGAI institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang mendukung aspirasi kerajaan dalam penyediaan tenaga profesional bagi jurusan teknikal, Kolej

Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) kini diiktiraf sebagai pusat pengajian terunggul, terutama dalam aspek kurikulumnya yang dianggap unik.

Selain mengamalkan perkongsian pintar antara Universiti-Industri, KUTKM

juga mengamalkan sistem pengajaran dan pembelajaran berorientasikan konsep aplikasi serta amalan.

Berikut itu, semakin ramai di kalangan pelajar memilih KUTKM sebagai pusat pembelajaran mereka menerusi program yang ditawarkan melalui lima fakulti di kolej universiti terbabit.

Bermula dengan penawaran program peringkat diploma dan ijazah pertama pada awal penubuhannya, 1 Disember 2000 lalu, KUTKM dengan bangganya menawarkan program peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran.

Rektornya, Prof Datuk Ismail Hasan, berkata sehingga kini, KUTKM mempunyai bilangan pelajar sarjana muda seramai 5,400, manakala bilangan pelajar bagi program pasca siswazah mencatatkan seramai 124 pelajar.

Daripada jumlah itu, 33 daripadanya adalah pelajar Ijazah Sarjana Pentadbiran Peniagaan, 53 pelajar Ijazah Sarjana Sains, 14 pelajar Sarjana Program Usahasama KUTKM-COVENRY dan 24 pelajar lagi mengikuti Ijazah Kedoktoran .

"KUTKM memiliki tenaga akademik yang berwibawa serta mempunyai prasarana yang moden dan kondusif bagi menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di kolej universiti ini.

"Dalam usaha menambahbaikkan kurikulum, KUTKM memanifestasikan elemen Kemahiran Insaniah (KI) dalam kurikulum dan ko-kurikulum," katanya.

Ismail berkata, program yang ditawarkan di kolej universiti itu mendapat pengiktirafan dan akreditasi daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).

Katanya, pengiktirafan dan akreditasi itu melengkapkan keperluan kualiti program akademik yang ditawarkan oleh KUTKM.

Sementara itu, Ismail berkata, sehingga Jun lalu, program di KUTKM beroperasi melalui Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK),

Pusat Universiti-Industri, Pusat Pengajaran Siswazah, Pusat Pengajaran dan

Pembelajaran serta Pusat Perkhidmatan Akademik.

Selain itu, IPTA itu turut beroperasi melalui lima fakulti membabitkan Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

"Kelima-lima fakulti kejuruteraan berkenaan menawarkan ijazah sarjana dan kedoktoran melalui penyelidikan manakala IPTK menawarkan dua struktur

iaitu melalui kerja kursus dan penyelidikan," katanya.

Sementara itu, katanya, program di peringkat sarjana dan ijazah

kedoktoran ditawarkan dalam struktur iaitu melalui kerja kursus dan penyelidikan.

"KUTKM sememangnya patut menjadi pilihan pelajar kerana graduannya terdiri daripada jurutera dan pakar teknologi yang memenuhi kehendak dan keperluan `bidang industri?.

"Di samping itu, graduan KUTKM memiliki personaliti yang unggul seperti

berpengetahuan luas, berkemahiran tinggi, berkeyakinan dan berkelayakan tinggi serta bersahsiah murni.

"Sehubungan itu, tidak hairanlah kualiti graduan KUTKM adalah mapan sekali gus mampu bersaing di persada antarabangsa," katanya.

FAKTA

Program Sarjana/Ijazah Kedoktoran

- * Ijazah Sarjana Sains - Pengurusan Teknologi, Keusahawanan, Pembangunan Sumber Manusia, Kaunseling Industri dan Komunikasi Teknikal.
- * Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan - Pengurusan Teknologi dan Inovasi serta Pengurusan Operasi Termaju.

* Ijazah Kedoktoran - Pengurusan Teknologi dan Inovasi, Pengurusan Operasi Termaju, Keusahawanan dan Pengurusan Sumber Manusia.

(END) Source : Berita Harian